# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 10 JANUARI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | SEBANYAK 16 LADANG BABI DIJANGKITI ASF, LOKAL, HM -4 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | OISONOUS JELLYFISH: TERENGGANU BEACHGOERS TOLD TO BE MORE CAREFUL, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -9<br>JELLYFISH WARNING AT TERENGGANU BEACH, NEWS, THE SUN -4<br>SENGATAN BERBISA, LOKAL, HM -16<br>OBOR-OBOR BERACUN MUNCUL KEMBALI DI PANTAI TERENGGANU, NEGERI TERENGGANU, SH -34<br>PORTUGUESE MAN O'WAR BERBAHAYA WALAUPUN SUDAH MATI, DALAM NEGERI, UM -29 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11. | FAMA ASSURES REASONABLE PRICES FOR ESSENTIAL, MAKKAL OSAI -ONLINE<br>FAMA: SHOP AT FARMER'S MARKETS, NATION, THE STAR -8<br>FAMA JAMIN HARGA BARANGAN DI PASAR TANI LEBIH RENDAH, NASIONAL, BH-16<br>FAMA JAMIN HARGA BARANG MAKANAN LEBIH BERPATUTAN, LOKAL, HM -20<br>HARGA AYAM DI PASAR TANI BERPATUTAN, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 12. | NAFAS, UITM BANTU MANGSA BANJIR, BANJIR MELANDA, SH -5 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 13.<br>14.<br>15.<br>16. | MANSUH AP ATAU BANYAKKAN IMPORT UNTUK TURUNKAN HARGA AYAM, BEBAS NEWS -ONLINE<br>HARGA AYAM TAK PATUT NAIK, SUARA SINAR, SH -16<br>BANJIR: PENTERNAK TANGGUNG KERUGIAN BESAR, DALAM NEGERI, UM -29<br>PERKASA BIDANG PERTANIAN DI KV, LOKAL, HM -19 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 4 |

# Sebanyak 16 ladang babi dijangkiti ASF

**Melaka:** Selepas ancaman Covid-19 dan banjir, negeri ini dilanda krisis baru membabitkan penularan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) yang menjangkiti 16 ladang babi komersial di Paya Mengkuang di Masjid Tanah, di sini.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Dr Norlizan Mohd Noor berkata bagi mengawal dan mencegah rebakan penyakit ASF, JPV menguatkuasakan *stamping out policy* menerusi pemusnahan babi ladang yang disahkan positif ASF.

"Pemusnahan babi itu juga menggunakan kaedah gas $CO_2$ (berkepekatan tinggi) berasaskan garis panduan



Kod Amalan Kebajikan Haiwan-Pengurusan Pelupusan Haiwan sebelum ditanam secara sempurna.

"Sehingga semalam (kelmarin) sejumlah 1,864 ekor ternakan babi yang disahkan positif ASF di kawasan Paya Mengkuang dimusnahkan," katanya.

> *Pemusnahan babi itu juga menggunakan kaedah gas CO2 sebelum ditanam secara sempurna"*
>
> **Dr Norlizan**

Norlizan berkata, aktiviti pemantauan, pemeriksaan klinikal dan persampelan semua ladang ternakan babi di Paya Mengkuang terus aktif dijalankan bagi mengesan jangkitan penyakit ASF di semua 35 ladang babi di kawasan itu.

Beliau berkata aktiviti pemantauan dan pemeriksaan juga diaktifkan membabitkan semua ladang penternakan babi di seluruh negara.

"Penternak dan orang awam diminta segera melaporkan sebarang kematian pada babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) atau Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berdekatan atau menerusi hotline Bilik Pengurusan Krisis Penyakit, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (03-88702041)," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Poisonous jellyfish: Terengganu beachgoers told to be more careful | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 10 Jan 2022 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 9 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 164 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,236 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,708 |




# Poisonous jellyfish: Terengganu beachgoers told to be more careful



Terengganu Fisheries Department officer Hairul Effendy Adzmi shows the poisonous Portuguese Man o' War jellyfish found at Pantai Pulau Kerengga on Saturday. — Bernama photo

**KUALA TERENGGANU:** Beachgoers in Terengganu are advised to be more careful following the discovery of the poisonous jellyfish known as Portuguese Man o' War, or its scientific name 'physalia physalis', at Pantai Kelulut and Pantai Pulau Kerengga in Marang near here Saturday evening.

Terengganu Fisheries Department director Ruzaidi Mamat said checks by department staff at the two beaches this morning found four of this jellyfish.

"There may still be such jellyfish along the coast and monitoring is underway. Visitors are advised to immediately report to the department if they come across the jellyfish. Even though the jellyfish were found dead, people are advised not to touch the carcass as it is still poisonous and very dangerous. If stung, immediately go to a nearby clinic or hospital for treatment," he said in a statement yesterday.

The current phase of the Northeast monsoon season is one of the factors for the jellyfish to be beached along the East Coast and the last time the poisonous species was seen in the waters of Terengganu was in February 2020. Ruzaidi said previous studies had recorded the discovery of more than 1,000 of this jellyfish floating in the waters of the Indian Ocean and they moved either by drifting according to the currents or wind.

"To avoid a threat on the surface, it can deflate its airbag and sink for a while. The average tentacle length of this species can reach over 30 feet long and is covered by poison-filled 'nematocysts' used to paralyse and kill fish and other small creatures. If there is contact with humans, the sting is very painful, fatal cases are very rare but one still needs to be careful. Jellyfish that are dead and washed ashore can also cause stings if touched," he said. — Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | THE SUN | NEWS | 4 |



A Terengganu Fisheries Department officer examining a piece of a Portuguese Man o' War carcass that washed up on Pantai Pulau Kerengga in Marang. – ***BERNAMAPIX***

# Jellyfish warning at Terengganu beach

**KUALA TERENGGANU:** Visitors to the beach in Terengganu are advised to be careful, following the discovery yesterday of the poisonous jellyfish known as Portuguese Man o' War at Pantai Kelulut and Pantai Pulau Kerengga in Marang.

Terengganu Fisheries Department director Ruzaidi Mamat said checks at the two beaches yesterday morning found four of the jellyfish.

"There may still be more along the coast and monitoring is underway. Visitors are advised to immediately report to the department if they come across the jellyfish.

"Although the jellyfish were found dead, people are advised not to touch it as it is still poisonous and very dangerous. If stung, immediately go to a nearby clinic or hospital for treatment," he said yesterday.

The current Northeast monsoon season could be among factors for the presence of the jellyfish along the East Coast. The last time the poisonous species was seen in the waters off Terengganu was in February 2020.

Ruzaidi said previous studies had recorded the discovery of more than 1,000 of the jellyfish in the Indian Ocean, and they moved either by drifting according to the currents or wind.

"To avoid a threat on the surface, it can deflate its airbag and sink for a while. The average tentacle length of this species can reach over 30 feet long and is covered by poison-filled 'nematocysts' used to paralyse and kill fish and other small creatures.

"If there is contact with humans, the sting is very painful. Fatal cases are very rare but one still needs to be careful. Jellyfish that are dead and washed ashore can also cause stings if touched," he said. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

# Sengatan berbisa

*Obor-obor beracun dikesan di Pantai Pulau Kerengga*



OBOR-OBOR beracun yang dikenali sebagai Portuguese Man o' War.

**Bernama**

**Kuala Terengganu**

Pengunjung Pantai Kelulut dan Pantai Pulau Kerengga di Marang dekat sini, dinasihatkan lebih berhati-hati berikutan penemuan obor-obor beracun yang dikenali sebagai *Portuguese Man o' War* atau nama saintifiknya *physalia physalis*, petang semalam.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Mamat berkata, tinjauan kakitangan jabatan di dua lokasi pantai menemukan empat obor-obor berkenaan.

"Mungkin masih ada obor-obor di pesisir pantai dan pemantauan dijalankan. Pengunjung dinasihat segera melaporkan kepada jabatan jika menemuinya.

"Walaupun menemui bangkai obor-obor, orang ramai dinasihatkan tidak menyentuhnya kerana masih beracun dan berbahaya. Jika terkena sengatan, segera ke klinik atau hospital berdekatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

> "Obor-obor mati dan dihanyutkan ke pantai juga boleh menyebabkan sengatan"
> Ruzaidi

Fasa musim Monsun Timur Laut yang berlaku ketika ini menjadi faktor obor-obor terdampar di perairan pantai timur dan kali terakhir spesies hidupan beracun itu dilihat di perairan Terengganu pada Februari 2020.

Katanya, kajian sebelum ini merekodkan penemuan lebih 1,000 obor-obor spesies berkenaan terapung di perairan Lautan Hindi dan ia bergerak sama ada hanyut dibawa arus atau angin.

"Untuk mengelakkan ancaman di permukaan, ia boleh mengempiskan beg udara dan tenggelam buat seketika. Purata panjang sulur sesungut spesies ini boleh mencapai lebih 30 kaki panjang dan diliputi oleh *nematocyst* yang dipenuhi racun yang boleh melumpuhkan dan membunuh ikan serta makhluk kecil lain.

"Jika terkena manusia, sengatannya sangat menyakitkan, namun kes yang membawa maut sangat jarang berlaku, tetapi tetap perlu berhati-hati.

"Obor-obor mati dan dihanyutkan ke pantai juga boleh menyebabkan sengatan jika menyentuhnya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 34 |

# Obor-obor beracun muncul kembali di pantai Terengganu

Haiwan itu dikesan di sekitar pantai Kampung Kelulut dan Pulau Kerengga

Oleh NORHASPIDA YATIM

**KUALA TERENGGANU**

Obor-obor beracun dikenali sebagai *Portuguese Man o' War* atau nama saintifiknya *Physalia physalis* dilihat muncul kembali di pesisiran pantai di Terengganu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, hasil tinjauan pada Ahad mendapati terdapat obor-obor itu di sekitar pantai Kampung Kelulut dan Pulau Kerengga di daerah Marang.

"Setakat pagi Ahad kita menemukan empat ekor obor-obor yang terdampar di pantai.

"Tinjauan masih lagi dijalankan dan kita tidak menolak kemungkinan masih terdapat lagi obor-obor spesies sama yang terdampar di kawasan pantai," katanya dalam kenyataan, di sini, pada Ahad.

Beliau menjelaskan, fasa musim Monsun Timur Laut pada masa ini menjadi antara faktor obor-obor berkenaan terdampar di perairan Pantai Timur.

"Kali terakhir spesies hidupan beracun itu dilihat di perairan Pantai Timur pada Februari 2020.

"Kajian sebelum ini pernah merekodkan lebih 1,000 obor-obor itu terapung di perairan Lautan Hindi. Ia bergerak dengan cara hanyut dibawa arus atau angin. Untuk mengelakkan ancaman di permukaan, ia boleh mengempiskan beg udara dan tenggelam buat seketika," katanya.

Dalam pada itu, Ruzaidi meminta orang ramai supaya lebih berwaspada dengan kemunculan hidupan itu.

Katanya, purata panjang sulur sesungut spesies itu boleh mencapai lebih sembilan meter panjang dan diliputi oleh nematocyst yang dipenuhi racun digunakan untuk melumpuhkan, membunuh ikan dan makhluk kecil lain.





Pegawai Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Hairul Effendy Adzmi menunjukkan obor-obor beracun yang ditemukan di Pantai Pulau Kerengga, Marang semasa ditemui di Pejabat Perikanan Negeri Terengganu, Chendering pada Ahad.

"Sengatan obor-obor ini amat menyakitkan. Obor-obor yang sudah mati dan dihanyutkan ke pantai juga boleh menyebabkan sengatan jika tersentuh.

"Orang ramai perlu lebih waspada dan tidak melakukan aktiviti pantai di kawasan spesies ini ditemui. Walaupun kes membawa maut sangat jarang berlaku namun perlu berhati-hati," katanya.

Beliau berkata, individu yang terjumpa obor-obor ini di lokasi lain diminta segera melaporkan kepada Jabatan Perikanan terdekat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/1/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Portuguese man o' war berbahaya walaupun sudah mati

**Oleh ROSALINDA MD. SAID**
utusannews@mediamulia.com.my

**MARANG:** Obor-obor beracun, Portuguese man o' war yang ditemukan terdampar di sekitar Pantai Kelulut dan Pantai Pulau Kerengga tetap berbahaya untuk disentuh walaupun sudah mati.

Pengarah Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, sengatan obor-obor itu sangat menyakitkan kepada manusia dan walaupun kes membawa maut jarang berlaku tetapi orang ramai masih perlu berwaspada.

Menurutnya, obor-obor yang sudah mati dan dihanyutkan ke pantai juga boleh menyebabkan sengatan jika disentuh.

"Pengunjung dinasihatkan agar lebih berhati-hati dan tidak melakukan aktiviti pantai di kawasan spesies itu ditemukan.

"Walaupun sudah mati, tetapi bangkainya tidak boleh disentuh kerana masih beracun dan sangat berbahaya. Sesiapa yang terkesan sengatan, segera berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan," katanya.

Ruzaidi berkata, empat obor-obor dikesan di kawasan pantai berkenaan dalam tinjauan yang dilakukan semalam.

Katanya, tinjauan masih lagi dijalankan dan pihaknya tidak menolak kemungkinan masih terdapat lagi spesies sama yang terdampar di lokasi berkenaan.

"Kali terakhir Portuguese man o' war atau nama saintifiknya *physalia physalis* dilihat di perairan Pantai Timur pada Februari 2020 dan kajian merekodkan lebih 1,000 terapung di perairan lautan Hindi.

"Musim tengkujuh menjadi antara faktor obor-obor terdampar di pantai Terengganu dan spesis ini bergerak secara berkumpulan dengan cara hanyut dibawa arus atau angin," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ruzaidi berkata, purata panjang sulur sesungut Portuguese man o' war boleh mencapai lebih sembilan meter panjang dan diliputi oleh nematocyst yang dipenuhi racun untuk melumpuhkan di samping membunuh ikan serta makhluk kecil lain.

Pada Mac tahun lalu, obor-obor spesis Velella velella atau 'by-the wind sailors' ditemukan terdampar di kawasan Pantai Pandak di Chendering di samping Pantai Teluk Ketapang (Kuala Nerus) dan Pantai Rhu Muda (Marang).



**PEGAWAI Perikanan, Hairul Effendy Adzmi menunjukkan obor-obor Portuguese man o' war yang ditemukan di Pantai Kelulut dan Pulau Kerengga, Marang , semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSL**



10 JAN, 2022

# FAMA assures reasonable prices for essential items

Makkal Osai, Malaysia



## அத்தியாவசிய- உணவுப் பொருட்கள்

# நியாய விலையில் கிடைப்பதை ஃபாமா உறுதி செய்கிறது



பாசீர் சாலாக், ஜன. 10- நாடு தழுவிய அளவில் உள்ள விவசாய சந்தைகளில் விற்கப்படும் கோழி இறைச்சி உட்பட உணவுப் பொருட்கள் நியாய விலையில் விற்கப்படுவதை ஃபாமா எனப்படும் கூட்டரசு விவசாய சந்தை வாரியம் உறுதி வழங்குகின்றது.

ஃபாமா அமைப்பின் கீழ் பதிந்துள்ள வியாபாரிகளும் தொழில் முனைவர்களும் இடைத் தரகர்கள் இன்றி தங்கள் தயாரிப்புகளை நேரடியாக விவசாய சந்தையில் விற்க வகை செய்யப்பட்டுள்ளது என்று அந்த வாரியத்தின் தலைவர் டத்தோ முகமட் ஃபாஸியா ஃபாகே தெரிவித்தார்.

இதன் வழி இதர இடங்களைக் காட்டிலும் இங்கு உணவு, அத்தியாவ்சியப் பொருட்கள் இன்னும் மலிவு விலையில் விற்கப்படும் சூழல் உருவாகின்றது.

விவசாய தளங்களிலிருந்து நேரடியாக பொருட்களை சந்தைப்படுத்துவதால் வியாபாரிகளும் தொழில் முனைவர்களும் இதுநாள் வரை 20லிருந்து 30 விழுக்காடு லாபத்தை ஈட்டிக் கொண்ட இடைத் தரகர்களைத் தவிர்க்க முடியும்.

ஏற்கெனவே, குறிப்பிட்டது போல் இந்த விலைக் கட்டுப்பாடு உள்நாட்டு வாணிபம் மற்றும் பயனீட்டாளர் விவகாரத் துறை அமைச்சின் கீழ் உள்ளது.

உதாரணத்திற்கு கோழி இறைச்சியை இடைத் தரகர்கள் இன்றி நேரடியாக சந்தைப்படுத்துவதன் வழி அதன் விலை ஒரு கிலோ 6லிருந்து 7ரிங்கிட் வரை குறையக்கூடும் என நேற்று செய்தியாளர்களிடம் அவர் குறிப்பிட்டார்.

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 235.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,538.00 ITEM ID: MY0046724999



10 JAN, 2022

# FAMA assures reasonable prices for essential items

Makkal Osai, Malaysia



## SUMMARIES

எனப்படும் கூட்டரசு | அத்தியாவசிய- உணவு பொருட்கள் நியாய விலையில் கிடைப்பதை செய்கிறது இடைத் தரகர்கள் இன்றி தங்கள் தயாரிப்புகளை நேரடியாக விவசாய சந்தையில் விற்க வகை செய்யப்பட்டுள்ளது என்று அந்த வாரியத்தின் தலைவர் டத்தோ முகமட் பாஸியா. ஃபாகதேரிவித்தார் . இதன் வழி இதர டங்களைக் காட்டிலும் இங்கு உணவு, அத்தியாவ்சியப் பொருட்கள் இன்னும் மலிவு விலையில் விற்கப்படும் சுழல் பாசீர் சாலாக் , ஜன. 1□- நாடு தழுவிய அளவில் உள்ள விவசாய சந்தைகளில் விற்கப்படும் கோழி இறைச்சி உட்பட உணவுப் பொருட்கள் நியாய விலையில் விற்கப்படுவதை ஃபாமா விவசாய சந்தை வாரியம் | உறுதி வழங்குகின்றது.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | THE STAR | NATION | 8 |

# Fama: Shop at farmers' markets

**PASIR SALAK:** Essential perishables including chicken at farmers' markets nationwide are being sold at reasonable prices to avoid burdening consumers, says the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

Its chairman Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh said traders and entrepreneurs under Fama could market their agricultural produce directly to farmers' markets to enable these items to be sold at cheaper prices.

> ***"We are hoping to source directly from the farms ..."***
>
> Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh

He said by selling directly from farms, traders and entrepreneurs could exclude middlemen who made about 20% to 30% profit.

"We are hoping to source directly from the farms for sale at farmers' markets under Fama.

"For example, prices can drop by RM6 to RM7 a kilogramme if we source supplies like chicken directly from farms," he told reporters after visiting Kampung Gajah My Rakyat and Permanent Farmers' Market here on Saturday. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |



*Mohd Fasiah (tengah) bersama Tajuddin (dua dari kiri) mengadakan lawatan kerja ke Program MyRakyat dan Pasar Tani Kekal Kampung Gajah, Pasir Salak, semalam.* (Foto BERNAMA)

# FAMA jamin harga barangan di pasar tani lebih rendah

## Bekalan diperoleh terus dari ladang tanpa melalui orang tengah

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

**Pasir Salak:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan harga barangan makanan, termasuk ayam segar bulat di pasar tani seluruh negara lebih berpatutan.

Pengerusinya, Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh, berkata peniaga pasar tani boleh mendapatkan bekalan secara terus dari ladang tanpa melalui orang tengah yang mengaut keuntungan kira-kira 20 hingga 30 peratus.

"Harga barangan adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Cuma barangan yang dijual di pasar tani dijual lebih rendah, kita akan buat terbaik untuk rakyat.

"Kita berharap, jika boleh peniaga ambil terus dari ladang untuk jual di pasar tani FAMA. Sebagai contoh, ayam jika terus beli dari ladang mungkin harga boleh turun kepada RM6 hingga RM7 sekilogram," katanya selepas melakukan lawatan kerja bersama Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman ke Program MyRakyat dan Pasar Tani Kekal (PTK) Kampung Gajah, di sini, semalam.

PTK bernilai RM2.6 juta dijangka beroperasi pada Mac hadapan itu akan bermula dari jam 7 pagi hingga 6 petang setiap hari dengan menempatkan 14 unit lot basah dan 70 lot kering serta tujuh lot medan selera.

Sementara itu, Mohd Fasiah berkata, anggaran penjanaan ekonomi bagi tahun pertama pengoperasian PTK terbabit dijangka sebanyak RM11 juta.

"Sebanyak 90 peratus peniaga di PTK ini adalah dari Perak Tengah dengan perpindahan keseluruhan peserta dari Pasar Awam Kampung Gajah ke PTK berkenaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |

# Fama jamin harga barang makanan lebih berpatutan

**Pasir Salak:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) memberi jaminan harga barangan makanan termasuk ayam segar bulat di pasar tani seluruh negara lebih berpatutan.

Pengerusinya, Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh berkata, peniaga pasar tani boleh mendapatkan bekalan secara terus dari ladang tanpa melalui orang tengah yang mengaut keuntungan kira-kira 20 hingga 30 peratus.

"Harga barangan adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Cuma barang yang dijual di pasar tani dijual lebih rendah, kita akan buat terbaik untuk rakyat.

"Kita harapkan kalau boleh peniaga ambil terus dari ladang untuk jual di pasar tani Fama. Sebagai contoh, ayam kalau terus beli dari ladang mungkin harga boleh turun kepada RM6 hingga RM7 sekilogram," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja bersama Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman ke program MyRakyat dan Pasar Tani Kekal (PTK) Kampung Gajah di sini, semalam.

PTK berkenaan menelan kos projek bernilai RM2.6 juta akan beroperasi bermula jam 7 pagi hingga 6 petang setiap hari dijangka beroperasi Mac hadapan dengan menempatkan 14 unit lot basah dan 70 lot kering serta tujuh lot medan selera.

Sementara itu Mohd Fasiah berkata, anggaran penjanaan ekonomi bagi tahun pertama pengoperasian PTK berkenaan adalah dijangka sebanyak RM11 juta.

Katanya, 90 peratus peniaga di PTK itu adalah dari Perak Tengah dengan perpindahan keseluruhan peserta dari Pasar Awam Kampung Gajah ke PTK berkenaan.



MOHD Fasiah (tiga dari kiri) melihat pembangunan PTK Kampung Gajah bersama Tajuddin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |

FAMA jamin jualan barangan mentah lebih rendah, tidak bebankan pengguna

# Harga ayam di pasar tani berpatutan

**OLEH MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID**



**FAMA memberi jaminan harga jualan bahan mentah termasuk ayam di pasar tani di seluruh negara pada kadar berpatutan.** – GAMBAR HIASAN

**PASIR SALAK** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan harga barangan dan bahan mentah termasuk ayam yang dijual di pasar tani lebih berpatutan.

Pengerusinya, Datuk Mohd. Fasiah Mohd Fakeh berkata, peniaga dan usahawan boleh terus memasarkan hasil pertanian mereka selain disaran mengambil bekalan terus dari ladang tanpa melalui orang tengah.

Katanya, menerusi jualan secara terus dari ladang, peniaga dan usahawan dapat menghapuskan orang tengah yang selama ini mendapat keuntungan sekitar 20 hingga 30 peratus.

"Dari segi kawalan harga, ia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kita cuma berharap kalau boleh peniaga dapat mengambil hasil terus dari ladang untuk jual di pasar tani FAMA agar harga lebih rendah.

"Seperti contoh ayam yang diambil dari ladang boleh dijual pada harga RM6 hingga RM7 sekilogram," katanya.

Mohd. Fasiah berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Program My Rakyat dan Pasar Tani Kekal (PTK) Kampung Gajah, di sini, semalam.

Turut sama pada lawatan berkenaan, Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri dan Pengarah FAMA Perak, Norsham Ramly.

Sementara itu, Mohd. Fasiah berkata, PTK Kampung Gajah akan memulakan operasinya pada Mac depan dengan menempatkan 91 unit iaitu 14 unit lot basah dan 70 unit lot kering serta tujuh unit medan selera.

Tambahnya PTK yang menelan kos projek bernilai RM2.6 juta itu akan beroperasi bermula pukul 7 pagi hingga 6 petang setiap hari dengan anggaran penjanaan ekonomi bagi tahun pertama pengoperasian PTK berkenaan adalah sebanyak RM11 juta.

"90 peratus peniaga di PTK ini adalah dari daerah Perak Tengah dengan perpindahan keseluruhan peserta dari Pasar Awam Kampung Gajah ke PTK tersebut," katanya.

Menurut Mohd. Fasiah, selain Kampung Gajah, terdapat dua lagi PTK di negeri ini iaitu di Manjung dan Lekir yang telah beroperasi sejak beberapa tahun lalu serta PTK Kuala Kangsar yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada 2023.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | SINAR HARIAN | BANJIR MELANDA | 5 |

# Nafas, UiTM bantu mangsa banjir

160 sukarelawan bantu pulihkan kemudahan, rumah terjejas akibat banjir di Hulu Langat

Oleh IZWAN ROZLIN

PUNCAK ALAM

Keprihatinan masyarakat dalam menyalurkan bantuan menerusi program pemulihan pasca banjir amat ditagih oleh mereka yang terjejas untuk bangkit dan meneruskan kembali kehidupan seperti biasa.



ABU SUJAK

Atas kesedaran itu, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) berkolaboratif dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi menggerakkan misi bantuan pasca banjir di kawasan Hulu Langat selama dua hari bermula Sabtu lalu.

Pengurus Besar Nafas, Abu Sujak Sahuji berkata, program kali pertama dengan UiTM itu merupakan usaha berterusan pihaknya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Menurutnya, seramai 160 orang sukarelawan terdiri daripada kakitangan dan pelajar UiTM Kampus Puncak Alam dan Shah Alam termasuk kakitangan Nafas terlibat dalam program itu.

"Surau dan balai raya di kawasan Batu 17, Kampung Dusun Tua serta ladang ternakan udang milik ahli Pertubuhan Peladang terlibat dalam program pemulihan pasca banjir ini," katanya dalam sidang akhbar selepas pelepasan konvoi misi berkenaan di UiTM Puncak Alam pada Sabtu.

Turut hadir dalam program itu, Pengurus Kanan Kumpulan Pembangunan Perniagaan Nafas, Nazwan Fauzan.

Menurutnya, kerjasama turut akan digerakkan dengan UiTM Cawangan Johor-Kampus Segamat yang memberi tumpuan di beberapa negeri lain yang terjejas banjir antaranya Pahang, Kelantan, Negeri Sembilan, Johor serta Sabah.

Pada tahun 2021, Nafas memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk bantuan bencana seluruh negara dan jumlah dana berkenaan dijangka akan ditambah lagi pada tahun ini.

"Selain bakul makanan, kami sudah mengagihkan 300 dapur gas memasak kepada mangsa di beberapa lokasi dalam kawasan Lembah Klang baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Profesor Madya Dr Badrul Isa berkata, kolaboratif bersama Nafas adalah kesinambungan program bantuan banjir yang dimulakan selepas bencana banjir pada 18, 20 dan 21 Disember lalu.

"Kami terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak dan ia adalah solidariti bersama masyarakat seluruh negara dalam membantu mereka yang terkesan dengan bencana banjir ini," katanya.

Menurutnya, mahasiswa UiTM sentiasa bersedia melalui Briged Sukarelawan UiTM yang dikoordinasi mengikut lokaliti seperti contoh membantu mana-mana kakitangan atau kediaman pelajar yang terjejas akibat banjir di Meru.

"Ia secara amnya mewujudkan keprihatinan mahasiswa terhadap apa jua isu termasuk musibah bencana yang berlaku di dalam negara," katanya.

## REAKSI



*"Program bantuan pasca banjir ini bukti mahasiswa sentiasa bersama dalam apa jua musibah yang dihadapi negara."* - YDP MPP UiTM Shah Alam (Fakulti Pengurusan & Perniagaan), Rasydan Mohd Hassan



*"Kerjasama dengan Nafas ini memberi peluang kami dan semua sukarelawan berbakti kepada masyarakat tanpa perlu dipaksa."* - YDP MPP Jawatankuasa Perwakilan Kolej, UiTM Puncak Alam (Fakulti Pendidikan), Muhammad Hazid Aiman Mohd Yusly

FOTO: ROSLI TALIB



Acara melepaskan kenderaan konvoi disempurnakan oleh Abu Sujak dan Badrul.



Sukarelawan menyusun barang yang akan diberikan kepada mangsa banjir.



Sukarelawan membersihkan kawasan penternakan udang yang terletak di Hulu Langat, Selangor.



Sebahagian sukarelawan membersihkan kawasan yang terkesan banjir di Hulu Langat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | BEBAS NEWS | ONLINE | |

# Mansuh AP atau banyakkan import untuk turunkan harga ayam




KUALA LUMPUR – Kerajaan digesa memansuhkan permit import (AP) atau memberikan peluang kepada lebih banyak syarikat mengimport barangan seperti ayam seekor jika benar-benar mahu menurunkan harganya.

"Perlu ada ketelusan dalam pemberian permit yang diluluskan (AP) bagi mengimport ayam seekor," kata Naib Presiden Persatuan Peruncit Malaysia, Ameer Ali Mydin.

Ameer yang juga pemilik rangkaian pasar raya berkata, pihaknya telah memohon AP untuk mengimport ayam seekor tetapi masih belum mendapat maklum balas.

Beliau berkata, peruncit lain juga memaklumkan mereka tidak mendapat sebarang AP walaupun kerajaan mengumumkan bahawa ia akan membenarkan lebih banyak import.

FMT melaporkan seorang pegawai pasar raya besar lain yang enggan dinamakan berkata, permohonan syarikatnya juga ditolak.

"Kami tidak tahu siapa yang dapat AP untuk import ayam seekor. Jika peruncit boleh dapatkan AP, kami boleh bawa masuk ayam secara langsung dan jual pada harga lebih rendah berbanding perlu melalui pihak ketiga," kata Ameer.

"Apabila bercakap tentang keperluan asas, bukan hanya pengimportan ayam seekor yang memerlukan AP. Terdapat juga AP untuk mengimport bahagian ayam dan kubis."

Pada 4 Disember lalu, Kerajaan mengumumkan syarikat-syarikat tempatan akan dibenarkan mengimport ayam seekor sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ayam sebulan sehingga bulan Februari untuk menangani kekurangan bekalan.

Kemudian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkata, pihak yang mahu mengimport ayam sejuk beku perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai kemudahan penyimpanan sejuk.

Tambahnya, pengimportan hanya akan dibenarkan dari negara dan rumah sembelih yang diluluskan kerajaan.

Bawah skim kawalan harga kerajaan, harga runcit ayam ditetapkan pada RM9.10 sekilogram. Skim itu, yang dikatakan penternak ayam menyebabkan kerugian besar, akan ditamatkan pada 4 Februari.- ***BebasNews***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | SINAR HARIAN | SUARA SINAR | 16 |

# Harga ayam tak patut naik

**HARGA** ayam dan telur di pasaran tempatan dijangka meningkat selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat 4 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi baru-baru ini berkata, langkah terbabit terpaksa diambil sebagai mengimbangi situasi 'menang-menang' antara kumpulan pengguna dan penternak di negara ini.

Ketika ini harga runcit maksimum ayam bulat adalah RM9.10 sekilogram.

Ayam yang merupakan sumber protein utama rakyat Malaysia menyaksikan kenaikan mendadak tahun lalu. Daripada kira-kira RM7 sekilogram pada bulan Julai, harganya terus naik sehingga lebih RM10 sekilogram sebelum SHMKM dilaksana.

SHMKM melibatkan 12 jenis barangan khususnya telur, ayam dan sayuran diperkenalkan dari 7 Disember hingga 31 Disember lalu. Ia kemudian dilanjutkan lagi sehingga 4 Februari depan iaitu selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

Sepanjang tempoh SHMKM, kerajaan memberi kebenaran kepada syarikat tertentu untuk mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan.

Purata keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak dua juta ekor sehari atau 62.9 juta ekor sebulan seperti didedahkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Disember lalu.

Bagaimanapun, harga ayam dikatakan tidak benar-benar dapat diturunkan apabila harga ayam dari luar negara juga mahal disebabkan kos penghantaran yang tinggi serta nilai ringgit yang lemah.

Pada masa sama, ramai penternak tempatan, pemborong dan peruncit menyuarakan ketidakmampuan mereka menanggung kerugian atas kenaikan kos pengeluaran dan operasi.

Walaupun kerajaan mahu mewujudkan situasi menang-menang, rata-rata reaksi rakyat mengatakan harga ayam tidak patut naik lebih-lebih lagi menjelang Ramadan tidak sampai tiga bulan lagi.

Lebih daripada itu, sesetengah rakyat berpendapat tugas menteri sepatutnya mencari jalan penyelesaian ke atas masalah rakyat, bukannya menyuruh rakyat bersedia harga barang akan naik.

Justeru, kerajaan dan pihak industri harus mencari jalan penyelesaian jangka panjang untuk menstabilkan harga ayam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |



NORZIAH Nordin menunjukkan antara ayam kampungnya yang mati dalam kejadian banjir pada 1 Januari lalu di Kampung Pasir Besar, Tampin, semalam.- UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

# Banjir: Penternak tanggung kerugian besar

**TAMPIN:** Sebuah keluarga yang baharu sahaja beberapa tahun terlibat dalam aktiviti penternakan, menanggung kerugian ribuan ringgit apabila ternakan mereka mati dalam kejadian banjir di Kampung Pasir Besar, Gemas, di sini, 1 Januari lalu.

Norziah Nordin, 51, berkata, ternakan seperti ayam kampung, ikan gapi, kambing dan ayam belanda telah diusahakan sejak tahun 2015.

Menurutnya, sepanjang tempoh itu, mereka menternak lebih 100 ekor ayam, 16 ekor kambing, angsa, ikan gapi dan dalam perancangan untuk mengisi lima kolam dengan pelbagai jenis ikan.

"Masa kejadian berlaku cukup pantas, tiba-tiba air mulai naik lebih satu meter dan kami terpaksa memindahkan kambing menggunakan tangki menternak ikan gapi ke kawasan tidak dinaiki air.

"Kami ulang-alik pindahkan sebelum seorang penduduk membawa sampan bagi memindahkan semua kambing kami bagaimanapun empat ekor kambing kemudian mati," katanya ketika ditemui di Kampung Pasir Besar, semalam.

Norziah berkata, bagi ternakan ayam kampung pula, lebih 100 ekor beserta telur sudah dihanyutkan air dan mati.

"Mesin untuk menetas telur bernilai RM5,000 juga habis rosak ditenggelami air, " katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/1/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |

# Perkasa bidang pertanian di KV

**Putrajaya:** Tidak hanya tertumpu bidang mekanikal apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus memperkasakan bidang pertanian di Kolej Vokasional (KV) yang berpotensi tinggi.

Langkah itu seiring dengan hasrat kementerian untuk memperkasa pendidikan dalam bidang pertanian.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Radzi Jidin, berkata, beliau mengadakan lawatan ke Kolej Vokasional Pasir Puteh, Kelantan yang juga salah sebuah KV pertanian di negeri berkenaan.

Menurutnya, lawatan itu bertujuan meninjau fasiliti serta pengoperasian KV itu yang mempunyai 241 pelajar.

Katanya, KV ini dilengkapi dengan kemudahan dan kelengkapan serta prasarana yang baik bagi memudahkan pelajar mengikuti pembelajaran di bilik darjah mahupun di bengkel.

*Peralatan dan teknologi terkini, khususnya dalam bidang ternakan ruminan dan agro industri tanaman disediakan di KV ini bagi memenuhi keperluan industri serta meningkatkan kebolehpasaran graduan"*

***Radzi Jidin***

"Peralatan dan teknologi terkini, khususnya dalam bidang ternakan ruminan dan agro industri tanaman disediakan di KV ini bagi memenuhi keperluan industri serta meningkatkan kebolehpasaran graduan apabila menamatkan pengajian kelak.

"Namun, masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan seiring dengan hasrat KPM untuk memperkasakan pendidikan vokasional pertanian yang berpotensi tinggi dan KPM komited melakukan yang terbaik," katanya yang ditulis dan dikongsikan di Faceeboknya.

Kolej vokasional Pasir Puteh menawarkan empat kursus kepada pelajar terdiri dari Agroindustri Ternakan Ruminan, Agroindustri Ternakan Poltri, Agroindustri Tanaman dan Perakaunan.

Bagi pengambilan Sijil Vokasional Malaysia 2022 ia terbuka kepada pelajar lepasan tingkatan tiga tahun semasa dan bagi Diploma Vokasional Malaysia terbuka kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun semasa.